

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN
ANTARABANGSA

TARIKH: 11.11.2022 MASA:11.00am

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PENYERAHAN BEKAS PENGUMPULAN
MINYAK MASAK TERPAKAI OLEH PERSATUAN
KUARI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT

**11 NOVEMBER 2022 (JUMAAT)
2.45 PETANG**

**DEWAN KENANGA
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul bersama-sama dalam menjayakan Majlis Penyerahan Bekas Pengumpulan Minyak Masak Terpakai oleh Persatuan Kuari Pulau Pinang.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Encik Saw Kok Peng, Pengerusi Persatuan Kuari Pulau Pinang dan Ahli-Ahli Persatuan atas komitmen mereka, bekerjasama dengan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam program *Corporate Social Responsibility* (CSR) untuk memulihara dan melindungi alam sekitar.

Saya mengalu-alukan kehadiran Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, rakan-rakan media, tuan-tuan dan puan-puan untuk bersama-sama memeriahkan majlis kita pada hari ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,

Persatuan Kuari Pulau Pinang, yang didokongi oleh sembilan (9) syarikat kuari di Pulau Pinang telah menunjukkan komitmen dan dedikasi melalui usaha-usaha *Corporate Social Responsibility* (CSR) untuk memelihara alam sekitar bersama-sama MBSP. Ianya melibatkan program bersama komuniti, sekolah dan peniaga dalam memberi pendedahan tentang pentingnya kitar semula dalam kehidupan seharian.

Kerjasama dengan pihak swasta sebegini merupakan satu bentuk *smart partnership*), di mana melalui pendekatan *people and private partnership*, MBSP bukan sahaja menjalinkan kerjasama dengan syarikat korporat, malahan juga melibatkan masyarakat setempat yang secara tidak langsung memberi impak positif terhadap usaha pemeliharaan alam sekitar dan bumi kita.

Justeru, MBSP amat mengalu-alukan kerjasama daripada semua komuniti dan pihak swasta (perindustrian) untuk memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan sesuai dengan konsep *MBSP Smart Consumption*

Model 8R iaitu *Rethink; Refuse; Reduce; Re-use; Repair; Re-gift; Recover;* dan *Recycle*.

Adalah diharapkan banyak lagi syarikat swasta dari sektor perindustrian yang dapat menunjukkan komitmen yang tinggi serta melaksanakan ciri-ciri amalan hijau dengan cemerlang ke arah perubahan alam sekitar yang positif. Ini merupakan satu titik mula yang penting dalam membentuk masyarakat yang menjaga dan mencintai alam sekitar di Seberang Perai.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,

Masalah pembuangan minyak masak terpakai ke dalam sinki dan seterusnya mengalir keluar ke dalam longkang atau tempat-tempat awam adalah merupakan masalah global. Pembuangan minyak ke dalam sinki akan menyebabkan sinki tersumbat bila minyak bertukar sifat ke sisa pepejal dan melekat kat saluran paip. Kos membaiki sinki yang tersumbat adalah tinggi.

Pelepasan sisa minyak masak ke longkang menyebabkan longkang tercemar, kotor dan tersumbat. Lipas dan tikus akan tertarik ke kawasan longkang tersumbat itu untuk makan minyak masak tersebut, bersarang, dan membiak. Nyamuk dan lain-lain haiwan perosak juga akan berkeliaran di sini dan mengganggu kesihatan penduduk sekitar. Sementara di musim hujan akan menyebabkan banjir kilat. Pengurusan sisa minyak masak yang tidak betul dalam jangka masa yang lama juga boleh menyebabkan pencemaran sumber air. MBSP terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang besar semata-mata untuk membersihkan saluran tersumbat yang melibatkan jutaan liter minyak masak terpakai dan sisa pepejal lemak gorengan. Minyak masak terpakai bersifat hidrofobik, bertindak mengumpul bahan pencemar lain yang akhirnya mendap di dalam sedimen dan memberikan kesan kepada kualiti air dan rantai makanan.

Kajian juga menunjukkan sejenis toksin, 4-hydroxy-trans--2-menenal (HNE) akan dihasilkan apabila minyak masak digunakan berkali-kali.. Pengambilan makanan yang dimasak menggunakan minyak masak yang dipanaskan semula, akan menyebabkan risiko penyakit-penyakit seperti kanser, penyakit *cardio vascular*, *stroke*, *Alzheimers* dan *Parkinson*.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,

Minyak masak terpakai sebenarnya boleh dikitar semula menjadi minyak bio-diesel, sabun dan lilin. Minyak Bio-diesel yang dihasilkan sebagai ganti bahan api fosil adalah lebih mesra alam. Dalam Program CSR ini, Persatuan Kuari Pulau Pinang berkerjasama dengan MBSP dengan memberi sumbangan 1,000 bekas pengumpulan minyak masak bernilai RM4,741.68. Bekas pengumpulan minyak masak ini akan diagihkan kepada penghuni rumah kediaman dan sekolah dalam projek eko-komuniti.

Objektif pengumpulan minyak masak terpakai di rumah kediaman dan sekolah akan memupuk kesedaran masyarakat untuk memulihara sumber air, sungai dan perairan pantai. Program ini akan diadakan bersama sekolah dan komuniti bagi menjana pendapatan sekolah dan persatuan melalui jualan. Penjualan akan dilakukan kepada agen-agen yang mempunyai lesen Malaysia Palm Oil Board (MPOB).

Saya berharap melalui program pengumpulan minyak masak terpakai ini, masyarakat dapat memperoleh nilai murni dan pengalaman sekaligus

mendapat manfaatnya dengan menjadikannya budaya dalam kehidupan harian kita.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,

Sekali lagi, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Persatuan Kuari Pulau Pinang kerana sudi bekerjasama dengan MBSP untuk menaja bekas pengumpulan minyak masak terpakai yang akan diedarkan kepada komuniti dan sekolah.

Warga Seberang Perai telah dan akan terus memberikan komitmen yang baik dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Selain pemahaman mengenai kitar semula, masyarakat juga semakin menerima dan membudayakan amalan kitar semula dan upcycle dalam kehidupan seharian.

Marilah kita bersama-sama membantu MBSP untuk menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami dan menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap kepentingan memelihara dan

memulihara alam sekitar dan terlibat secara aktif dalam menjayakan aktiviti kitar semula.

Sekian. Terima Kasih

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh***